

**SKOP TOPIK DI BAWAH PROMOSI ANUGERAH INSPIRASI MEDIA PPZ-MAIWP**

Pusat Pungutan Zakat-MAIWP (PPZ-MAIWP) mengalu-alukan penyertaan daripada rakan-rakan media yang menghasilkan karya berkaitan zakat, filantropi Islam, pembangunan sosioekonomi ummah dan transformasi perkhidmatan zakat. Penyertaan boleh menyentuh mana-mana isu, bidang atau perspektif berikut:

**A. Kesedaran & Pendidikan Zakat**

- Kepentingan zakat dalam Islam
- Kefahaman masyarakat mengenai zakat
- Literasi kewangan Islam
- Peranan zakat dalam pembangunan masyarakat
- Tanggungjawab individu dan organisasi dalam berzakat
- Cabaran meningkatkan kesedaran berzakat
- Persepsi masyarakat terhadap institusi zakat

**B. Pembayar Zakat & Ekonomi**

- Zakat pendapatan
- Zakat perniagaan
- Zakat syarikat korporat
- Zakat pelaburan
- Zakat emas dan perak
- Zakat aset moden
- Peranan zakat dalam pengagihan semula kekayaan
- Sumbangan pembayar zakat kepada pembangunan negara

**C. Inovasi & Transformasi Digital Zakat**

- Pendigitalan perkhidmatan zakat
- Pembayaran zakat secara digital
- Inovasi teknologi dalam pengurusan zakat
- Customer experience dalam perkhidmatan zakat
- Artificial Intelligence (AI) dan teknologi baharu
- Keselamatan transaksi digital
- Future of Zakat

**D. Tadbir Urus & Integriti**

- Ketelusan institusi zakat
- Tadbir urus organisasi
- Kecekapan pengurusan kutipan zakat
- Akauntabiliti dan pematuhan
- Pengurusan risiko
- Governans dalam institusi Islam
- Kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat

**E. Impak Zakat Kepada Masyarakat**

- Pendidikan
- Kesihatan
- Keusahawanan
- Pembangunan komuniti
- Pembasmian kemiskinan
- Mobiliti sosial

- Kisah kejayaan penerima manfaat zakat

**F. Perspektif Industri & Polisi**

- Peranan zakat dalam ekonomi negara
- Hubungan zakat dan ESG
- Zakat dan agenda kemampanan
- Polisi serta dasar berkaitan zakat
- Kajian dan penyelidikan berkaitan zakat
- Perbandingan amalan zakat antarabangsa
- Trend dan masa depan institusi zakat

**G. Program & Inisiatif PPZ-MAIWP**

- Kempen kesedaran zakat
- Program pendidikan zakat
- Program strategik PPZ-MAIWP
- Kerjasama korporat dan institusi
- Inisiatif digital PPZ-MAIWP
- Inovasi perkhidmatan pelanggan
- Aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR)

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN AM**

1. Karya penyertaan yang mesti mengenai zakat di Wilayah Persekutuan. Antara isu, cabaran atau topik yang boleh dipertandingkan adalah: Kesedaran & pendidikan zakat, jenis zakat, tadbir urus, kesan atau impak zakat kepada masyarakat, pembangunan sosioekonomi ummah, inovasi & transformasi perkhidmatan zakat, mana-mana skop topik yang ditetapkan serta peranan PPZ-MAIWP.
2. Penyertaan terbuka kepada warga Malaysia yang berkhidmat sebagai wartawan dan pengamal media yang bekerja sepenuh masa dengan mana-mana organisasi media cetak, penyiaran TV, penyiaran dalam talian dan portal berita serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
3. Stringer dan wartawan sambilan layak menyertai Anugerah Inspirasi Media PPZ-MAIWP.
4. Bahan-bahan penyertaan yang telah disiarkan dan diterbitkan mulai **15 Ogos 2025 sehingga 15 Ogos 2026** layak menyertai.
5. Penyertaan dibuka mulai 20 Jun 2026; **tarikh tutup penyertaan pada 17 Ogos 2026**.
6. Semua bahan berita/rencana bercetak; portal berita; multimedia; media sosial; layak dipertandingkan.
7. Karya asli sahaja diterima.
8. Bagi karya salinan yang diterbitkan atau disiarkan dalam platform yang berlainan dari yang ditetapkan dalam kategori yang disertai, karya salinan hanyalah sekadar pembuktian dan rujukan penghakiman pada karya asli yang dihantar.
9. Penghantaran bahan penyertaan adalah melalui bahan yang telah **dimuatkan ke dalam simpanan awan (cloud storage)** dan **ruangan pautan (link)** yang terdapat pada borang penyertaan hendaklah **diisi dengan pautan bahan tersebut**.
10. Salinan kad pengenalan dan sekeping gambar profil peserta/kumpulan hendaklah dimuatkan ke dalam simpanan awan bersama bahan penyertaan.
11. Setiap penyertaan harus dikemukakan sekali dengan sinopsis.
12. Boleh rujuk grafik panduan sinopsis dan muatnaik bahan penyertaan: <https://mpi.my/wp/wp-content/uploads/2025/05/Panduan-Sinopsis-dan-Muatnaik-Bahan.pdf>
13. Pautan borang penyertaan: <https://mpi.my/award/ppz-maiwp>
14. Kesemua bahan-bahan penyertaan tidak akan dikembalikan dan menjadi hak mutlak MPI & PPZ-MAIWP.
15. MPI berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan gagal mematuhi syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan.
16. Tiada yuran penyertaan dan tiada had penyertaan.
17. Terdapat 3 kategori yang dipertandingkan.
18. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN KHUSUS**

**MEDIA CETAK & PORTAL BERITA - BERITA & RENCANA**

**HADIAH:**

Pemenang Pertama	:	RM 3,000, trofi dan sijil
Pemenang Kedua	:	RM 2,000, trofi dan sijil
Pemenang Ketiga	:	RM 1,000, trofi dan sijil

**KRITERIA:**

1. Anugerah ini diberikan kepada karya-karya penulisan media cetak dan digital seperti pelaporan berita, komentar, ulasan, pandangan, dan rencana mengenai isu-isu berkaitan zakat di Wilayah Persekutuan dan PPZ-MAIWP dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.  
*(Boleh rujuk skop topik yang ditetapkan pada m/s 1)*
2. Karya liputan perlulah memberi impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan produk dan perkhidmatan kepada masyarakat.
3. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
4. Bagi karya Bahasa Cina dan Tamil, hendaklah ia dikemukakan bersama-sama terjemahan ke Bahasa Melayu atau Inggeris.
5. Karya yang dihantar hendaklah asli dan **telah diterbit sama ada di penerbitan cetak atau di portal berita**.
6. Sinopsis dan karya penulisan hendaklah **digabungkan ke dalam satu file berformat PDF**.
7. Bahan penyertaan hendaklah dimuatkan ke simpanan awan (*cloud storage*) sendiri. Pautan(*link*) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
8. Jika karya penulisan itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.

**LAPORAN BERITA TV & VIDEO DALAM TALIAN TERBAIK**

**HADIAH:**

Pemenang Pertama	:	RM 3,000, trofi dan sijil
Pemenang Kedua	:	RM 2,000, trofi dan sijil
Pemenang Ketiga	:	RM 1,000, trofi dan sijil

**KRITERIA:**

1. Anugerah ini diberikan kepada karya-karya video dan digital seperti pelaporan berita dan pelaporan khas mengenai isu-isu berkaitan zakat di Wilayah Persekutuan dan PPZ-MAIWP dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan. (Boleh rujuk skop topik yang ditetapkan pada m/s 1)
2. Karya liputan video yang memberi impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan produk dan perkhidmatan kepada masyarakat.
3. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media semata-mata.**
4. Bagi karya Bahasa Cina dan Tamil, hendaklah ia dikemukakan bersama-sama terjemahan/sarikata ke Bahasa Melayu atau Inggeris.
5. Karya yang disiarkan melalui saluran dari stesen televisyen, platform dalam internet, media sosial, portal berita layak sertai kategori ini.
6. Bagi karya video:
  - Karya yang disiarkan hendaklah dengan jelas menonjolkan sumbangan dan peranan wartawan dan jurukamera berkenaan.
  - Hanya tayangan siaran pertama sahaja layak menyertai. **Tayangan ulang siar tidak layak.**
  - Durasi penyertaan video hendaklah **tidak lebih dari lima belas (15) minit.**
  - Bahan penyertaan video hendaklah dikemukakan dalam **format MP4** dengan resolusi video 720p atau 1080p.
7. Bahan penyertaan hendaklah dimuatkan ke simpanan awan (*cloud storage*) sendiri. Pautan(*link*) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
8. Jika video itu bersiri, setiap video mestilah disusun mengikut aturan.

**MEDIA SOSIAL - VIDEO PENDEK**

**HADIAH:**

Pemenang Pertama	:	RM 3,000, trofi dan sijil
Pemenang Kedua	:	RM 2,000, trofi dan sijil
Pemenang Ketiga	:	RM 1,000, trofi dan sijil

**KRITERIA:**

1. Anugerah ini diberikan kepada karya-karya yang dihasil dalam media sosial seperti pelaporan berita, komentar, ulasan, pandangan, rencana, temubual, program mengenai isu-isu berkaitan zakat di Wilayah Persekutuan dan PPZ-MAIWP dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan. (Boleh rujuk skop topik yang ditetapkan pada m/s 1)
2. Karya kewartawanan video media sosial yang memberi impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan produk dan perkhidmatan kepada masyarakat.
3. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
4. Bagi karya Bahasa Cina dan Tamil, **hendaklah ia dikemukakan terjemahan/sarikata ke Bahasa Melayu atau Inggeris.**
5. Bagi karya video media sosial:
  - Karya yang disiarkan hendaklah dengan jelas menonjolkan sumbangan dan peranan wartawan dan jurukamera (sekiranya ada) berkenaan.
  - Hanya tayangan siaran pertama sahaja layak menyertai. Tayangan ulang siar tidak layak.
  - **Durasi yang tidak lebih dari tiga (3) minit.**
  - Pautan video media sosial yang disediakan adalah sah dan tidak luput; hendaklah dikemukakan dalam sinopsis.
6. Bahan penyertaan hendaklah dimuatkan ke simpanan awan (cloud storage) sendiri. Pautan(link) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
7. Kategori ini terhad untuk karya asli yang disiarkan pada platform media sosial seperti Instagram, Tiktok, Facebook, X (Twitter) melalui saluran rasmi organisasi. Karya yang disiarkan melalui televisyen tidak layak sertai.
8. Bilangan ukuran capaian dan keterlibatan media (media reach & engagement) seperti bilangan penonton, lihat, likes, komen, penanda (bookmark), kongsi akan diambil kira dalam sebahagian penilaian.